


# 2011 SPM KARANGAN RANGSANGAN - EXTRA!

## SOALAN 1

Baca petikan Rukun Negara di bawah ini dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan** menghayati prinsip Rukun Negara dalam kalangan masyarakat. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



### RUKUN NEGARA

Maka kami, rakyat Malaysia berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-Undang
- Kesopanan dan Kesusilaan

## PENGENALAN

Prinsip Rukun Negara amat penting kepada rakyat Malaysia.

- menjaga perpaduan dalam kalangan masyarakat
- mengeratkan tali silaturahim
- mewujudkan kehidupan yang harmoni dan bahagia

## IDEA-IDEA UTAMA

Pelbagai lapisan masyarakat mestilah menghayati prinsip Rukun Negara.

- percaya kepada Tuhan
- berpegang teguh kepada ajaran agama
- tidak melakukan perbuatan yang mungkar

Warga Malaysia juga mestilah setia kepada raja dan negara.

- memiliki semangat patriotik yang tinggi
- sanggup berjuang demi bangsa dan agama
- negara pasti sukar untuk jatuh ke tangan pihak musuh

Rakyat di negara kita juga mestilah patuh kepada undang-undang.

- taat kepada peraturan dan tidak sesekali untuk melanggarnya
- tidak tergamak untuk melakukan kesalahan seperti jenayah
- masyarakat hidup dalam keadaan selamat

Masyarakat juga digalakkan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

- bersopan –santun dalam aktiviti harian
- mudah berkomunikasi antara satu sama lain
- tidak ada perasaan saling membenci

## **PENUTUP**


Prinsip Rukun Negara banyak memiliki kebaikan yang tersirat.

- wajar dilakukan oleh setiap lapisan masyarakat
- negara akan terus maju dan pesat membangun
- hidup dalam perpaduan dan pastinya permusuhan dapat dihindarkan

## SOALAN 2

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk memelihara alam sekitar. Panjang huraian anda antara 200 hingga 250 patah perkataan.

### Usaha-usaha Memelihara Alam Sekitar




Elakkan pembakaran terbuka



Bergotong-royong



Mengitar semula barang terpakai



Program menanam semula pokok

## PENGENALAN

Alam sekitar merupakan anugerah Tuhan kepada kita.

- perlu dipelihara dan disayangi
- menjadi kesinambungan untuk generasi akan datang
- dapat menghindarkan bencana alam

## IDEA-IDEA UTAMA

Bergotong – royong antara cara memulihara alam sekitar.

- alam sekitar dalam keadaan bersih
- penyakit berjangkit dapat dihindari
- hidup dalam suasana yang amat selesa

Pembakaran secara terbuka wajar dielakkan.

- berlakunya kesan rumah hijau
- cuaca menjadi tidak menentu
- jerebu yang mampu menggugat kesihatan dapat dielakkan

Mengitar semula barangan yang terpakai merupakan langkah yang terpuji.

- mengelakkan penebangan pokok secara berlebihan
- menjimatkan perbelanjaan
- pembuangan sampah –sarap dapat dikurangkan

Program menanam semula pokok wajar diutamakan.

- mampu menghijaukan alam sekeliling
- membebaskan banyak oksigen ke udara
- hidup dalam keadaan sihat sejahtera

## **PENUTUP**

Usaha memulihara alam sekitar langkah terpuji.

- disemai dalam kalangan generasi muda
- memupuk mereka agar menyayngi alam sekitar
- menghargai alam sekitar dalam kehidupan



### SOALAN 3

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah mengeratkan hubungan kekeluargaan. Panjang huraian anda **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.


#### Langkah-langkah Mengeratkan Hubungan Kekeluargaan



Berkelah bersama-sama keluarga



Ibu bapa membantu anak dalam pelajaran



Melancong bersama-sama keluarga



Makan bersama-sama

### PENGENALAN

Keluarga bahagia amat penting dalam kehidupan.

- anak-anak membesar dengan penuh kasih sayang
- tidak terjebak dalam gejala sosial
- sentiasa menjaga maruah keluarga

### IDEA-IDEA UTAMA

Pelbagai langkah dapat dilakukan dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan.

- berkelah bersama-sama pada hujung minggu

- dapat melepaskan segala bentuk tekanan
- bertukar-tukar fikiran

Melancong bersama keluarga juga antara cara yang terpuji.

- anak-anak berasa dihargai dan disayangi
- ibu bapa sanggup membawa mereka ke tempat yang cantik
- kasih sayang antara ahli keluarga semakin kukuh

Ibu bapa membantu anak-anak dalam pelajaran.

- anak-anak akan berasa seronok dan gembira
- pencetus semangat untuk berjaya
- sanggup berkorban demi anak-anak

Makan bersama-sama mestilah dilakukan oleh sesebuah keluarga.

- ibu dan ayah jarang bersama anak-anak di rumah
- dapat berkumpul sambil berbual-bual
- dapat memahami masalah yang dialami oleh anak-anak

## **PENUTUP**

Keluarga bahagia berpunca daripada hubungan yang erat antara ahlu keluarga.

- tidak mudah berselisih faham dalam banyak perkara
- saling menghormati antara satu sama lain
- kebahagiaan pasti terbentuk dan berpanjangan